

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2016

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN
RAZAK]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak
pelaksanaannya pada April 2015, perincian kutipan GST mengikut negeri,
kos operasi yang terlibat, perancangan membuat pengumuman awam
secara berkala serta pelan tindakan bagaimana dan ke mana hasil cukai
ini akan dibelanjakan, berteraskan konsep belanjawan telus,
bertanggungjawab dan berhemat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan bersih GST iaitu setelah mengambil kira tuntutan kredit ke atas GST di peringkat input perniagaan bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran dibuat dan perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan semata-mata. Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Sehubungan itu, kutipan hasil GST adalah merangkumi sumbangan daripada seluruh negara.

GST merupakan hasil Kerajaan Persekutuan yang dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama hasil-hasil Kerajaan Persekutuan yang lain. Seterusnya, hasil tersebut diagihkan kepada semua negeri dan agensi Kerajaan menerusi Bajet Tahunan. Agihan ini digunakan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan di seluruh negara termasuk

di kawasan luar bandar untuk manfaat semua lapisan rakyat. Antara projek utama yang dilaksanakan adalah meningkatkan lagi tahap kemudahan infrastruktur untuk menyokong kegiatan ekonomi supaya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, meningkatkan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan serta mengagihkan pemberian tunai (BR1M) kepada golongan sasaran supaya segenap lapisan rakyat mendapat manfaat.

Dalam memastikan kelancaran dan kecekapan pelaksanaan GST, Kerajaan telah membelanjakan hampir RM300 juta bagi maksud membangunkan sistem MyGST, pemberian geran latihan GST dan pemberian subsidi perisian perakaunan patuh GST kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dengan perincian seperti berikut:

- i. RM98 juta bagi sistem perkomputeran MyGST yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam tahun 2013 dan 2014;
- ii. RM94 juta bagi subsidi untuk pembelian perisian perakaunan patuh GST kepada PKS yang diuruskan oleh SME Corp;
- iii. RM52.8 juta bagi pemberian geran latihan termasuk penganjuran taklimat/ seminar, program *handholding* dan pemberian geran latihan kepada persatuan/ badan bukan Kerajaan iaitu RM10.3 juta tahun

2013, RM19 juta tahun 2014 dan RM23.5 juta tahun 2015; dan

- iv. RM38 juta bagi program publisiti meliputi pelbagai saluran media serta kempen kesedaran GST iaitu RM17 juta bagi tahun 2010 hingga 2013, RM11 juta tahun 2014 dan RM10 juta tahun 2015.

Kerajaan secara langsung melalui JKDM dan juga melalui kerjasama dengan NGO serta persatuan-persatuan perniagaan telah banyak melaksanakan program-program latihan dan kesedaran untuk membantu peniaga memahami secara tepat dan mendalam berkenaan GST untuk meningkatkan pematuhan dan pelaksanaannya yang cekap. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 6,547 program latihan dan kesedaran GST telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dan melibatkan lebih kurang 600,000 orang peserta. Bagi terus meningkatkan lagi kefahaman industri dan rakyat secara keseluruhannya, Kerajaan akan terus menganjurkan program perbincangan dan taklimat mengenai GST dengan kerjasama semua agensi Kerajaan termasuklah yang memberi penumpuan kepada isu khusus bagi industri tertentu supaya pelaksanaan GST berjalan dengan lancar.